

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL

---

## 1.0 TUJUAN

Garis Panduan Pengurusan Buangan Terjadual ini disediakan bertujuan untuk menerangkan bagaimana untuk menguruskan buangan terjadual yang dihasilkan oleh warga universiti sebelum dihantar untuk pelupusan ke premis yang telah ditetapkan.

## 2.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) dan semua tempat kerja di Universiti yang menghasilkan buangan terjadual.

## 3.0 RUJUKAN

- 3.1 Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.
- 3.2 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.
- 3.3 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
- 3.4 *Guidelines on the Disposal of Chemical Wastes from Laboratories*, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli, Edisi Kedua, 2015.
- 3.5 *Guidelines for Packaging, Labelling and Storage of Scheduled Wastes in Malaysia*, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli, 2014.

## 4.0 DEFINISI

Buangan terjadual	Apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (rujuk <b>Lampiran 1</b> ).
Buangan terjadual tidak serasi	Buangan terjadual yang dinyatakan dalam Jadual Keempat di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (rujuk <b>Lampiran 2</b> ), yang apabila dicampurkan, akan menghasilkan situasi yang berbahaya menerusi penjanaan haba, kebakaran, letupan atau pelepasan bahan-bahan toksik.
Kad Sisa ( <i>Waste Card</i> )	Suatu dokumen yang mengandungi maklumat berkaitan sesuatu kategori buangan terjadual mengikut Jadual Ketujuh Peraturan-Peraturan

	Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (rujuk <b>Lampiran 3</b> ).
Kontraktor	Mana-mana organisasi yang berdaftar dan diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar yang telah dilantik oleh Universiti untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan pembungkusan, pengangkutan dan pelupusan buangan terjadual.
OSHE	Pejabat Persekutaran, Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
Pengeluar buangan	Terdiri dari penyelidik, pengendali ujikaji di makmal/bengkel, atau mana-mana orang yang menjalankan aktiviti yang mengeluarkan buangan terjadual di Universiti.
Premis yang ditetapkan	Premis yang telah ditetapkan oleh Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.
PTj	Pusat Tanggungjawab.
Tempat Pengasingan	Tempat pengasingan buangan terjadual (biasanya di dalam atau berhampiran dengan makmal/ tempat pengeluar buangan) sebelum ianya dibawa keluar dari makmal/ tempat pengeluar buangan ke stor pusat buangan terjadual di dalam UTHM atau terus ke luar UTHM untuk tujuan pengolahan/ rawatan/ pelupusan.
Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);

## 5.0 TANGGUNGJAWAB PENGELOUAR BUANGAN TERJADUAL

- 5.1 Setiap pengeluar buangan terjadual perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap buangan yang dihasilkannya.
- 5.2 Pengeluar buangan perlu mengenalpasti jenis buangan terjadual yang dihasilkan dan punca/ proses/ aktiviti yang menghasilkan buangan terjadual tersebut.
- 5.3 Bagi kategori baharu buangan terjadual yang dihasilkan, pengeluar buangan perlu mengisi borang Jadual Kedua: Pemberitahuan Buangan Terjadual (rujuk **Lampiran 4**).
- 5.4 Borang Jadual Kedua yang lengkap diisi beserta dengan Helaian Data Keselamatan (SDS) perlu dihantar ke pejabat OSHE dalam masa 10 hari dari tarikh pengeluaran buangan terjadual. Pihak OSHE akan memproses borang tersebut dan menghantar notifikasi pemberitahuan buangan terjadual ke Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan selanjutnya.

- 5.5 Pengeluar buangan dikehendaki membuat rekod inventori yang tepat di Borang Jadual Kelima: Inventori Buangan Terjadual (rujuk **Lampiran 5**) mengenai kategori dan kuantiti buangan terjadual yang hendak dikeluarkan dari tempat pengasingan di makmal-makmal PTj dan di tempat-tempat yang mengendalikan buangan terjadual ke stor simpanan sementara berpusat atau tempat pengumpulan yang ditetapkan oleh pihak OSHE.
- 5.6 Pengeluar bahan perlu menyediakan maklumat buangan terjadual di dalam kad sisa menggunakan Borang Jadual Ketujuh: Maklumat (**Lampiran 3**) sebelum buangan terjadual dikeluarkan dari tempat pengasingan di makmal-makmal PTj dan di tempat-tempat yang mengendalikan buangan terjadual.
- 5.7 Buat masa ini, sekiranya pengeluar bahan tidak dapat menyediakan kad sisa, pihak OSHE akan membantu membuat kad sisa. Walau bagaimanapun, pengeluar bahan perlu menghantar Helaian Data Keselamatan (SDS) bersama Jadual Kelima ke pejabat OSHE bagi tujuan penyediaan kad sisa.
- 5.8 Pengeluar buangan hendaklah memastikan semua buangan terjadual disimpan dan dilabel mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

## **6.0 PENSTORAN BUANGAN TERJADUAL**

- 6.1 Buangan terjadual perlu disimpan di dalam bekas-bekas yang sesuai dengan buangan terjadual yang hendak disimpan, tahan lasak, boleh ditutup dan boleh mencegah pertumpahan atau kebocoran buangan terjadual ke alam sekeliling.
- 6.2 Buangan terjadual tidak serasi hendaklah distorkan dalam bekas-bekas yang berasingan, dan ditempatkan dalam kawasan penyekatan sekunder yang berasingan.
- 6.3 Sebaik-baiknya sisa hendaklah dikumpulkan dalam bekas asal ataupun dalam bekas lain yang telah dikenalpasti sebagai bekas primer yang boleh terdiri daripada: i) tong drum besi/plastik; ii) botol plastik/carboy 30L; iii) botol kaca (botol asal); iv) IBC tank 1 ton (1000L); *jumbo bag* (1 ton); dan vi) kotak kayu.
- 6.4 Bekas buangan terjadual yang sedang digunakan hendaklah sentiasa ditutup pada setiap masa kecuali pada waktu yang perlu samada untuk menambah atau mengalihkan buangan terjadual.
- 6.5 Jika bekas tidak berkeadaan baik atau berlaku sebarang kebocoran ketika sedang dalam tempoh penggunaan, buangan terjadual perlulah dialihkan ke bekas yang lain dengan serta merta.
- 6.6 Bekas buangan terjadual yang telah 90% penuh atau yang tidak digunakan lagi perlu ditutup dengan rapat dan dibawa ke tempat pengasingan/ stor buangan terjadual yang telah dikhaskan.
- 6.7 Bagi tempat pengasingan buangan terjadual di dalam makmal/ tempat penghasil buangan, Ketua PTj perlu memastikan setakat yang praktik akan;
  - 6.7.1 kesesuaian tempat pengasingan buangan terjadual yang disediakan.
  - 6.7.2 menyediakan kelengkapan pelan kecemasan seperti tumpahan buangan terjadual dan pengungsian, dan penyediaan fasiliti yang berkaitan dengan baik.

## 7.0 PELABELAN BUANGAN TERJADUAL

- 7.1 Bekas buangan terjadual hendaklah dilabelkan dengan jelas mengikut jenis perincian sisa yang terpakai untuknya seperti yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (rujuk **Lampiran 6**).
- 7.2 Label hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti kod dan nama buangan terjadual, tarikh bila buangan terjadual dihasilkan buat kali pertama, nama dan nombor telefon pegawai bertanggungjawab, serta lokasi penghasilan buangan terjadual (rujuk **Lampiran 7**).
- 7.3 Label bagi ciri bahaya buangan terjadual mestilah berbentuk empat segi sama diletakkan pada sudut 45 darjah dan berdimensi tidak kurang dari 10cm x 10cm kecuali jika saiz bekas atau bungkusan memerlukan label yang bersaiz lebih kecil.
- 7.4 Dalam kes buangan terjadual yang mempunyai dua atau lebih bahaya, segala bahaya hendaklah dikenalpasti dan dilabel dengan betul.

## 8.0 PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL

- 8.1 Sebelum buangan terjadual dibawa keluar dari premis UTHM, bekas yang mengandungi buangan terjadual tersebut perlulah dibungkus dan ditempatkan di atas palet bagi keselamatan dan kemudahan pengendalian.
- 8.2 Pengeluar buangan dikehendaki menghantar borang Jadual Kelima ke pejabat OSHE bagi tujuan semakan dan verifikasi sebelum di bawa keluar dari Universiti oleh kontraktor yang dilantik. Pihak OSHE akan memaklumkan kepada PTj tarikh penghantaran borang Jadual Kelima dan pengambilan buangan terjadual oleh kontraktor bagi tujuan pembungkusan dan pelupusan.
- 8.3 Pengeluar bungan perlu memastikan bekas buangan terjadual yang hendak dilupuskan berada dalam keadaan baik dan telah dilabel dengan lengkap sebelum buangan terjadual dibawa keluar dari Universiti oleh pihak kontraktor. Pihak OSHE akan membuat lawatan tapak ke makmal-makmal PTj dan di tempat-tempat yang mengendalikan buangan terjadual bagi memastikan keperluan pelabelan, bekas penyimpanan dan inventori adalah betul sebelum kedatangan kontraktor.
- 8.4 Pengeluar buangan perlu bersedia dan membantu kontraktor untuk membawa keluar buangan terjadual dari tempat pengasingan buangan terjadual.
- 8.5 Segala proses perkaitan pembungkusan dan pelupusan buangan terjadual akan dikendalikan oleh kontraktor yang telah dilantik oleh Universiti.

**Lampiran 1**

**JADUAL PERTAMA**  
**SENARAI BUANGAN TERJADUAL**

<b>SW 1</b>	<b>Buangan logam dan buangan berasaskan logam</b>
SW 101	Buangan yang mengandungi arsenik atau sebatiannya
SW 102	Buangan bateri asid plumbum dalam bentuk sempurna atau hancur
SW 103	Buangan bateri yang mengandungi kadmium dan nikel atau raksa atau litium
SW 104	Debu, sanga, dros atau abu yang mengandungi arsenik, raksa, plumbum, kadmium, kromium, nikel, kuprum, vanadium, berilium, antimoni, tellurium, talium, atau selenium, tidak termasuk sanga daripada kilang besi dan keluli
SW 105	Enap cemar galvani
SW 106	Sisa daripada pemerolehan kembali likuor penjerukan asid
SW 107	Sanga daripada pemprosesan kuprum bagi pemprosesan lanjut atau penapisan yang mengandungi arsenic, plumbum, atau kadmium.
SW 108	Sisa larutan resap daripada pemprosesan zink dalam bentuk debu dan enap cemar
SW 109	Buangan yang mengandungi raksa atau sebatiannya.
SW 110	Buangan daripada pemasangan elektrikal dan elektronik yang mengandungi komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain, atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, kuprum, litium, perak, mangan, atau bifenil terpoliklorin
<b>SW 2</b>	<b>Buangan yang mengandungi terutamanya juzuk tidak organik yang mungkin mengandungi logam dan bahan organik</b>
SW 201	Buangan asbestos dalam bentuk enap cemar, debu atau gentian
SW 202	Buangan mangkin
SW 203	Buangan terjadual tidak boleh bergerak termasuklah enap cemar yang ditetapkan secara kimia, dikapsulkan, dipejalikan atau distabilkan
SW 204	Enap cemar yang mengandungi satu atau beberapa logam termasuklah kromium, kuprum, nikel, zink, plumbum, kadmium, aluminium, timah, vanadium dan berilium
SW 205	Buangan gipsum yang berhasil daripada proses industri kimia atau loji janakuasa
SW 206	Asid tidak organik terpakai
SW 207	Enap cemar yang mengandungi fluorida
<b>SW 3</b>	<b>Buangan yang mengandungi terutamanya juzuk organik yang mungkin mengandungi logam dan bahan tidak organik</b>
SW 301	Asid organik terpakai dengan pH yang kurang daripada atau sama dengan 2 yang mengakis atau berbahaya
SW 302	Buangan fluks yang mengandungi campuran asid organik, pelarut atau sebatian ammonium klorida
SW 303	Buangan pelekat atau glu yang mengandungi pelarut organik tidak termasuk bahan polimer pepejal
SW 304	Kek tekan daripada prapengolahan lai sabun gliserol
SW 305	Minyak pelincir terpakai
SW 306	Minyak hidraulik terpakai
SW 307	Emulsi minyak mineral-air terpakai
SW 308	Enap cemar kapal tangki minyak
SW 309	Campuran minyak-air seperti air balast

- SW 310 Enap cemar dari tangki penyimpanan minyak mineral  
 SW 311 Buangan minyak atau enap cemar berminyak  
 SW 312 Sisa berminyak dari bengkel automotif, stesen servis minyak atau perangkap gris  
 SW 313 Tanah yang dicemari minyak daripada penapisan semula minyak pelincir terpakai  
 SW 314 Minyak atau enap cemar daripada operasi penyenggaraan loji penapisan minyak  
 SW 315 Tar atau sisa bertar dari loji penapisan minyak atau loji petrokimia  
 SW 316 Enap cemar asid  
 SW 317 Sebatian organologam terpakai termasuklah plumbum tetraetil, plumbum tetrametil dan sebatian organotimah  
 SW 318 Buangan, bahan dan artikel yang mengandungi atau yang dicemari dengan bifenil terpoliklorin (BFT) atau trifenil terpoliklorin (TFT)  
 SW 319 Buangan fenol atau sebatian fenol termasuklah klorofenol dalam bentuk cecair atau enapcemar  
 SW 320 Buangan yang mengandungi formadehid  
 SW 321 Buangan atau enap cemar getah atau lateks yang mengandungi pelarut organik atau logam berat  
 SW 322 Buangan pelarut organik bukan terhalogen  
 SW 323 Buangan pelarut organik terhalogen  
 SW 324 Buangan sisa penyulingan tidak berair terhalogen atau bukan terhalogen yang terhasil daripada proses permeolehan kembali pelarut organik  
 SW 325 Buangan resin tidak matang yang mengandungi pelarut organic atau logam berat termasuklah resin epoksi dan resin fenolik  
 SW 326 Buangan sebatian fosforus organic  
 SW 327 Buangan cecair terma (pemindahan haba) seperti glikol etilena

- SW 4 Buangan yang mungkin mengandungi sama ada juzuk tidak organik atau organic**
- SW 401 Alkali terpakai yang mengandungi logam berat  
 SW 402 Alkali terpakai dengan pH yang lebih daripada atau sama dengan 11.5 yang mengakis atau berbahaya  
 SW 403 Dadah terbuang yang mengandungi bahan psikotrofik atau yang mengandungi bahan yang bertoksik, berbahaya, karsinogenik, mutagenik atau teratogenik  
 SW 404 Buangan patogenik, buangan klinikal atau bahan yang dikuarantinkan  
 SW 405 Buangan yang terhasil daripada peyedian dan pengeluaran barang farmaseutikal  
 SW 406 Klinker, sangan, abu, dari penunu buangan terjadual  
 SW 407 Buangan yang mengandungi dioksin dan furan  
 SW 408 Tanah, puing, atau bahan tercemar yang terhasil daripada pembersihan tumpahan bahan kimia, minyak mineral, atau buangan terjadual  
 SW 409 Bekas, beg atau kelengkapan yang dilupuskan yang dicemari dengan bahan kimia, racun mahkluk perosak, minyak mineral atau buangan terjadual  
 SW 410 Kain buruk, plastik, kertas atau turas yang dicemari dengan buangan terjadual  
 SW 411 Karbon teraktif yang terpakai tidak termasuk karbon daripada pengolahan air boleh diminum dan proses industri makanan dan penghasilan vitamin  
 SW 412 Enap cemar yang mengandungi sianida  
 SW 413 Garam terpakai yang mengandungi sianida  
 SW 414 Larutan alkali berair terpakai yang mengandungi sianida  
 SW 415 Minyak pelindapan terpakai yang mengandungi sianida  
 SW 416 Enap cemar dakwat, cat pigmen, lakuer, perwarna atau varnis  
 SW 417 Buangan dakwat, cat, pigmen, lakuer, perwarna atau varnis  
 SW 418 Produk dakwat, cat, pigmen, lakuer, perwarna atau varnish yang terbuang atau yang tidak mengikut spesifikasi yang mengandungi pelarut organik  
 SW 419 Diisosianat terpakai dan sisa sebatian isosianat tidak termasuk bahan berpolimer pepejal daripada proses pengilangan busa

- SW 420 Larutan resap dari tapak pelupusan buangan terjadual  
 SW 421 Campuran buangan terjadual  
 SW 422 Campuran buangan terjadual dan buangan tidak terjadual  
 SW 423 Larutan pemprosesan terpakai, bahan kimia fotografi terbuang atau buangan fotografi terbuang  
 SW 424 Agen pengoksidaan terpakai  
 SW 425 Buangan daripada pengeluaran, formulasi, perdagangan atau penggunaan racun mahkluk perosak, racun herba atau biosid  
 SW 426 Produk yang tidak mengikut spesifikasi daripada pengeluaran, formulasi, perdagangan, atau penggunaan racun mahkluk perosak, racun herba, atau biosid.  
 SW 427 Enap cemar mineral termasuklah enap cemar kalsium hidroksida, enap cemar pemfosfatan, enap cemar kalsium sulfit dan enap cemar karbonat  
 SW 428 Buangan daripada operasi pengawetan kayu yang menggunakan garam tidak organik yang mengandungi kuprum, kromium, atau arsenik daripada sebatian fluorida atau yang menggunakan sebatian yang mengandungi fenol berklorin atau kreosot  
 SW 429 Bahan kimia yang terbuang atau tidak mengikut spesifikasi  
 SW 430 Bahan kimia makmal yang using  
 SW 431 Buangan daripada pengilangan bahan letupan  
 SW 432 Buangan yang mengandungi, yang terdiri daripada, atau yang dicemari dengan peroksida

**SW 5      Buangan lain**

- SW 501 Apa-apa sisa daripada pengolahan atau pemerolehan kembali buangan terjadual atau pemprosesan atau penggunaan

**Lampiran 2**

**JADUAL KEEMPAT**  
**BUANGAN TERJADUAL TIDAK SERASI**

**JADUAL KEEMPAT**  
**(PERATURAN 2)**

**BUANGAN TERJADUAL DENGAN POTENSI KETAKSERASIAN**

Pencampuran suatu buangan di dalam Kumpulan A dengan suatu buangan di dalam Kumpulan B mungkin berpotensi mengakibatkan seperti yang berikut:

*Kumpulan 1-A*

- Cecair kaustik beralkali
- Pencuci beralkali
- Cecair mengakis beralkali
- Air buangan kaustik
- Enap cemar kapur dan alkali-alkali
- Mengakis lain

*Kumpulan 1-B*

- Enap cemar asid
- Pencuci kimia
- Elektrolit, asid
- Asid, cecair atau pelarut punaran
- Likuor penjerukan dan asid menagakis lain
- Asid terpakai
- Asid campuran terpakai

Berpotensi mengakibatkan: Penjanaan haba, tindak balas yang kuat.

*Kumpulan 2-A*

- Asbestos
- Berilium
- Bekas racun makhluk perosak yang tidak dibilas
- Racun makhluk perosak

*Kumpulan 2-B*

- Pelarut
- Bahan letupan
- Petroleum
- Minyak dan buangan mudah terbakar lain

Berpotensi mengakibatkan: Pelepasan bahan toksik sekiranya berlaku kebakaran atau letupan.

*Kumpulan 3-A*

- Aluminium
- Berilium
- Kalsium
- Litium
- Magnesium
- Kalium
- Sodium
- Serbuk zink dan logam reaktif lain serta hidrida logam

*Kumpulan 3-B*

- Apa-apa buangan dalam Kumpulan 1-A atau 1-B

Berpotensi mengakibatkan: Kebakaran atau letupan; penjanaan gas hydrogen yang mudah terbakar.

*Kumpulan 4-A*

Alkohol

Apa-apa buangan pekat dalam Kumpulan 1-A  
Atau 1-B  
Kalsium  
Litium  
Hidrida logam  
Kalium  
Sodium  
Buangan reaktif air

Berpotensi mengakibatkan: Kebakaran, letusan atau penjanaan haba; penjanaan gas toksik yang mudah terbakar.

*Kumpulan 5-A*

Alkohol  
Aldehid  
Hidrokarbon terhalogen  
Hidrokarbon ternitrat  
dan sebatian organik reaktif  
lain serta pelarut  
Hidrokarbon tidak tepu

Buangan pekat dalam Kumpulan 1-A atau 1-B  
Buangan dalam Kumpulan 3-A

Berpotensi mengakibatkan: Kebakaran, letusan atau tindak balas yang kuat.

*Kumpulan 6-A*

Larutan sianida dan sulfida terpakai

Buangan dalam Kumpulan 1-B

Berpotensi menagkibatkan: Penjanaan gas hydrogen sianida atau hidrogen sulfida yang toksik.

*Kumpulan 7-A*

Klorat dan pengoksida kuat yang lain  
Klorit  
Asid kromit  
Hipoklorit  
Nitrat  
Asid nitrik  
Perklorat  
Permanganat  
Peroksida

Asid organik  
Buangan dalam Kumpulan 2-B  
Buangan dalam Kumpulan 3-B  
Buangan dalam Kumpulan 5-A  
dan buangan mudah terbakar serta buangan boleh terbakar lain

*Kumpulan 7-B*

Berpotensi mengakibatkan: Kebakaran, letusan atau tindak balas yang kuat.

**Lampiran 3****JADUAL KETUJUH****CONTOH KAD SISA (WASTE CARD)**

MAKLUMAT BUANGAN TERJADUAL																										
NAMA BUANGAN TERJADUAL		Bahan kimia makmal yang usang <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hexane</li> </ul>																								
BAHAGIAN A		SIFAT – SIFAT BUANGAN TERJADUAL																								
No	ITEM	DESKRIPSI																								
1	KATEGORI	SW 430 - Bahan kimia makmal yang usang																								
2	PUNCA TERHASIL	Lebihan bahan kimia makmal yang melebihi tarikh luput																								
3	SIFAT FIZIKAL BUANGAN	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PARAMETER</th><th>NILAI</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Takat Kilat</td><td>-22 °C</td></tr> <tr> <td>Takat Didih</td><td>69 °C</td></tr> </tbody> </table> <p><b>TANDAKAN [X] PADA PILIHAN YANG BERKENAAN</b></p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td rowspan="4">Keadaan Buangan Terjadula Pada Suhu Bilik</td><td>Gas</td></tr> <tr> <td>X Cecair</td></tr> <tr> <td>Enap cemar</td></tr> <tr> <td>Pepejal</td></tr> <tr> <td rowspan="2">Perbandingan di antara Wap buangan terjadual dan Udara</td><td>Wap LEBIH BERAT daripada udara</td></tr> <tr> <td>Wap LEBIH RINGAN dari udara</td></tr> <tr> <td>X Tiada Data</td><td></td></tr> <tr> <td rowspan="3">Keterlarutan Buangan terjadual di dalam air</td><td>Buangan Terjadual LARUT di dalam air</td></tr> <tr> <td>Buangan Terjadual TIDAK LARUT di dalam air</td></tr> <tr> <td>Tiada Data</td></tr> <tr> <td rowspan="3">Perbandingan di antara berat buangan terjadual dan air</td><td>Buangan terjadual LEBIH BERAT daripada air</td></tr> <tr> <td>Buangan terjadual LEBIH RINGAN daripada air</td></tr> <tr> <td>Tiada Data</td></tr> </tbody> </table>	PARAMETER	NILAI	Takat Kilat	-22 °C	Takat Didih	69 °C	Keadaan Buangan Terjadula Pada Suhu Bilik	Gas	X Cecair	Enap cemar	Pepejal	Perbandingan di antara Wap buangan terjadual dan Udara	Wap LEBIH BERAT daripada udara	Wap LEBIH RINGAN dari udara	X Tiada Data		Keterlarutan Buangan terjadual di dalam air	Buangan Terjadual LARUT di dalam air	Buangan Terjadual TIDAK LARUT di dalam air	Tiada Data	Perbandingan di antara berat buangan terjadual dan air	Buangan terjadual LEBIH BERAT daripada air	Buangan terjadual LEBIH RINGAN daripada air	Tiada Data
PARAMETER	NILAI																									
Takat Kilat	-22 °C																									
Takat Didih	69 °C																									
Keadaan Buangan Terjadula Pada Suhu Bilik	Gas																									
	X Cecair																									
	Enap cemar																									
	Pepejal																									
Perbandingan di antara Wap buangan terjadual dan Udara	Wap LEBIH BERAT daripada udara																									
	Wap LEBIH RINGAN dari udara																									
X Tiada Data																										
Keterlarutan Buangan terjadual di dalam air	Buangan Terjadual LARUT di dalam air																									
	Buangan Terjadual TIDAK LARUT di dalam air																									
	Tiada Data																									
Perbandingan di antara berat buangan terjadual dan air	Buangan terjadual LEBIH BERAT daripada air																									
	Buangan terjadual LEBIH RINGAN daripada air																									
	Tiada Data																									
4	RISIKO BUANGAN TERJADUAL KEPADA MANUSIA	<table border="1"> <thead> <tr> <th>ITEM</th><th>DESKRIPSI</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pernafasan</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• H304 - Boleh membawa maut jika tertelan dan memasuki saluran pernafasan.</li> </ul> </td></tr> <tr> <td>Penghadaman</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• H304 - Boleh membawa maut jika tertelan dan memasuki saluran pernafasan.</li> </ul> </td></tr> <tr> <td>Kulit</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• H315 - Menyebabkan kerengsaan kulit.</li> </ul> </td></tr> </tbody> </table>	ITEM	DESKRIPSI	Pernafasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• H304 - Boleh membawa maut jika tertelan dan memasuki saluran pernafasan.</li> </ul>	Penghadaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• H304 - Boleh membawa maut jika tertelan dan memasuki saluran pernafasan.</li> </ul>	Kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• H315 - Menyebabkan kerengsaan kulit.</li> </ul>																
ITEM	DESKRIPSI																									
Pernafasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• H304 - Boleh membawa maut jika tertelan dan memasuki saluran pernafasan.</li> </ul>																									
Penghadaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• H304 - Boleh membawa maut jika tertelan dan memasuki saluran pernafasan.</li> </ul>																									
Kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• H315 - Menyebabkan kerengsaan kulit.</li> </ul>																									
BAHAGIAN B																										
No	ITEM	PENGENDALIAN BUANGAN TERJADUAL																								
1	KELENGKAPAN PERLINDUNGAN DIRI YANG DIPERLUKAN	<table border="1"> <thead> <tr> <th>SUB-ITEM</th><th>DESKRIPSI</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perlindungan Pernafasan</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai alat pernafasan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN143)</li> </ul> </td></tr> <tr> <td>Perlindungan Kulit</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai sarung tangan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN374)</li> <li>• Jenis sarung Tangan : Getah Nitril</li> </ul> </td></tr> <tr> <td>Perlindungan Mata dan Muka</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai penutup muka dan kaca keselamatan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN166)</li> </ul> </td></tr> <tr> <td>Perlindungan Badan</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai pakaian yang lengkap.</li> <li>• Pakai pakaian perkindungan statik kalis api.</li> </ul> </td></tr> </tbody> </table>	SUB-ITEM	DESKRIPSI	Perlindungan Pernafasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai alat pernafasan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN143)</li> </ul>	Perlindungan Kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai sarung tangan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN374)</li> <li>• Jenis sarung Tangan : Getah Nitril</li> </ul>	Perlindungan Mata dan Muka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai penutup muka dan kaca keselamatan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN166)</li> </ul>	Perlindungan Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai pakaian yang lengkap.</li> <li>• Pakai pakaian perkindungan statik kalis api.</li> </ul>														
SUB-ITEM	DESKRIPSI																									
Perlindungan Pernafasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai alat pernafasan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN143)</li> </ul>																									
Perlindungan Kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai sarung tangan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN374)</li> <li>• Jenis sarung Tangan : Getah Nitril</li> </ul>																									
Perlindungan Mata dan Muka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai penutup muka dan kaca keselamatan yang lulus standard keselamatan (e.g. EN166)</li> </ul>																									
Perlindungan Badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai pakaian yang lengkap.</li> <li>• Pakai pakaian perkindungan statik kalis api.</li> </ul>																									
2	LANGKAH PENGENDALIAN SELAMAT	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>Ketika pengendalian manual</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gunakan kelengkapan pelindung diri seperti yang diperlukan.</li> </ul> </td></tr> <tr> <td>Ketika</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gunakan pembungkusan asal dengan label</li> </ul> </td></tr> </tbody> </table>	Ketika pengendalian manual	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gunakan kelengkapan pelindung diri seperti yang diperlukan.</li> </ul>	Ketika	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gunakan pembungkusan asal dengan label</li> </ul>																				
Ketika pengendalian manual	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gunakan kelengkapan pelindung diri seperti yang diperlukan.</li> </ul>																									
Ketika	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gunakan pembungkusan asal dengan label</li> </ul>																									

<b>MAKLUMAT BUANGAN TERJADUAL</b>	
<b>NAMA BUANGAN TERJADUAL</b>	Bahan kimia makmal yang usang • Hexane

		Pembungkusan  Ketika Pemindahan  Ketika Penyimpanan	buangan terjadual yang betul.  <ul style="list-style-type: none"> <li>Gunakan pengangkut yang mempunyai bekas sekunder untuk menghalang tumpahan.</li> <li>Hanya buangan terjadual yang serasi sahaja boleh diangkut bersama-sama ketika pemindahan.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>Buangan Terjadual hendaklah disimpan di dalam Kumpulan 2-B.</li> <li>Tidak boleh disimpan bersama-sama Kumpulan 2-A dan kumpulan lain yang tidak serasi.</li> </ul>										
3	LABEL BUANGAN TERJADUAL		 <p>CECAIR MUDAH TERBAKAR (BUANGAN TERJADUAL)</p>										
4	KAEDAH PELUPUSAN YANG DISYORKAN		<p><b>TANDAKAN [X] PADA PILIHAN YANG BERKENAAN</b></p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td>X</td> <td>Proses Pembakaran Lengkap</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Proses Rawatan Fizikal dan Kimia</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Proses Solidifikasi</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Proses Pelupusan Selamat di Tapak Pelupusan</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Proses Pemerolehan Kembali dan Guna Semula</td> </tr> </tbody> </table>	X	Proses Pembakaran Lengkap		Proses Rawatan Fizikal dan Kimia		Proses Solidifikasi		Proses Pelupusan Selamat di Tapak Pelupusan		Proses Pemerolehan Kembali dan Guna Semula
X	Proses Pembakaran Lengkap												
	Proses Rawatan Fizikal dan Kimia												
	Proses Solidifikasi												
	Proses Pelupusan Selamat di Tapak Pelupusan												
	Proses Pemerolehan Kembali dan Guna Semula												

Lampiran 4

## JADUAL KEDUA

## **BORANG PEMBERITAHUAN BUANGAN TERJADUAL**



**PEJABAT PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**JADUAL KEDUA**  
**BORANG PEMBERITAHUAN BUANGAN TERJADUAL**

Dua salinan perlu diisi

<b>A. Maklumat Penjana Buangan Terjadual</b>			
Pejabat / Pusat / Fakulti			
Nama Makmal			
Lokasi Makmal	Blok :		No. Bilik :
Ketua Penyelidik/Ketua Makmal/	Nama :		No. Staf :
Pengurus Makmal	No. Tel Pejabat :		No. H/P :
Penolong Jurutera/ Orang yang	Nama :		No. Staf :
Bertanggungjawab Terhadap			
Penghasilan Buangan	No. Tel Pejabat :		No. H/P :

C. Maklumat Buangan Terjadual					
(Anggaran buangan terjadual yang dikeluarkan)					
(Sila guna "insert row" untuk menambah baris baru sekiranya ruang baris sedia ada tidak mencukupi)					
Bil	Nama Buangan Terjadual	Punca Buangan Terjadual (Unit Operasi dalam setiap proses)	Komponen Buangan Terjadual (Namakan elemen-elemen, sebatian atau bahan)	Kod Buangan Terjadual, BT* (Rujuk Lampiran 1)	Kuantiti Berat (kilogram, kg)
JUMLAH					0.00

Disediakan Oleh :	Disahkan Oleh :
(Tandatangan dan Cop Rasmi Penolong Jurutera/ Orang yang Bertanggungjawab Terhadap Penghasilan Buangan)	(Tandatangan dan Cop Rasmi Ketua Penyelidik / Ketua Makmal / Pengurus Makmal )
Tarikh :	Tarikh :

Lampiran 5

## **JADUAL KELIMA**

### **BORANG INVENTORI BUANGAN TERJADUAL**



**PEJABAT PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**JADUAL KELIMA**  
**BORANG INVENTORI BUANGAN TERJADUAL (BT)**

<b>Pejabat / Pusat / Fakulti</b>			
<b>Nama Makmal</b>			
<b>Lokasi Makmal</b>	Blok :		No. Bilik :
<b>Pengurus Makmal / Penyelia Sisa*/ Ketua Penyelidik*</b>	Nama :		No. Staf :
	No. Tel Pejabat :		No. H/P :
<b>Penyelia Makmal/ Penolong Jurutera/ Individu Penghasil Buangan</b>	Nama :		No. Staf / No matrik pelajar :
	No. Tel Pejabat :		No. H/P :

**B. Inventori Buangan Terjadual (BT)**

(Sila guna "insert row" untuk menambah baris baru sekiranya ruang baris sedia ada tidak mencukupi)

\* Contoh pengisian bagi kuantiti botol: jika BT di dalam 2 botol (2.5L) isikan sebagai  $2 \times 2.5\text{L}$

**\*\* Sila muat naik SDS sekiranya tiada kad sisa dan sebaliknya (hanya salah satu sahaja)**

\* Bagi lokasi penghasilan sisa yang tidak mempunyai Penanggungjawab

**Lampiran 6**

**JADUAL KETUJUH**  
**PELABELAN BAHAN BERBAHAYA**



**BAHAN LETUPAN  
(BUANGAN)**

Simbol (bom meletup): hitam; Latar Belakang: jingga lembut

**Label 1**



**CECAIR MUDAH TERBAKAR  
(BUANGAN)**

Simbol (api): hitam atau putih; Latar Belakang: merah

**Label 2**



PEPEJAL MUDAH TERBAKAR  
(BUANGAN)

Simbol (api): hitam; Latar Belakang: putih dengan jalur-jalur merah menegak

**Label 3**



PEPEJAL: BOLEH TERBAKAR SECARA SPONTAN  
(BUANGAN)

Bahan-bahan boleh terbakar secara spontan Simbol (api): hitam;  
Latar Belakang: bahagian atas putih, bahagian bawah merah

**Label 4**



PEPEJAL: BERBAHAYA APABILA BASAH  
(BUANGAN)

Bahan-bahan yang, jika bersentuh dengan air, mengeluarkan gas-gas yang mudah terbakar

Simbol (api): hitam atau putih; Latar Belakang: biru

**Label 5**



BAHAN PENGOKSIDAAN  
(BUANGAN)

Simbol (api di atas bulatan): hitam;

Latar Belakang: kuning

**Label 6**



PEROKSIDA ORGANIK  
(BUANGAN)

Simbol (api di atas bulatan): hitam; Latar Belakang: kuning

**Label 7**



BAHAN TOKSIK  
(BUANGAN)

Bahan-bahan beracun (toksik) Simbol (tengkorak di atas dua tulang yang bersilang): hitam;  
Latar Belakang: putih

**Label 8**



BAHAN BERJANGKIT  
(BUANGAN)

Simbol (tiga bulan sabit disusun menindih di atas bulatan): hitam  
Latar Belakang: putih


**Label 9**



BAHAN MENGAKIS  
(BUANGAN)

Simbol (cecair tertumpah dari dua bekas kaca dan mengenai tangan dan logam): hitam;  
Latar Belakang: bahagian atas putih, bahagian bawah hitam

**Label 10**



CAMPURAN PELBAGAI BAHAN BERBAHAYA  
(BUANGAN)

Simbol (nil); Latar Belakang: putih dengan bahagian atas jalur-jalur hitam menegak

**Label 11**

**Lampiran 7****TEMPLAT LABEL BUANGAN TERJADUAL**

 <span style="font-size: small;">Universiti Teknologi Mara</span>	<span style="font-size: small;">[NAMA PT]</span>
	
BAHAN MENGAKIS (BUANGAN)	
<b>SW 430 : BAHAN KIMIA MAKMAL YANG USANG</b> Asid Sulfurik usang	
<p>*TARIKH SISA DIHASILKAN :          (DATE GENERATED)</p> <p>TARIKH LUPUS :          (DATE DISPOSED) <span style="font-size: small;">(HANTAR KE STOR SWA PT)</span></p> <p>*BILIK/MAKMAL :          (ROOM/LABORATORY)</p> <p>JABATAN/UNIT :          (DEPARTMENT/UNIT)</p> <p>*PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB :          (PERSON INCHARGED)</p> <p>*NO. TEL (PEJABAT/BIMBIT):          (TELEPHONE NUMBER)</p>	
<span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">RECORD DATE :          (RECORDED DATE)</span>	